

06 DEC 2001

Chua-Pengarah

PENGARAH KESIHATAN NEGERI DIMINTA NASIHAT K'JAAN NEGERI

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Pengarah-pengarah kesihatan negeri telah diminta memainkan peranan aktif membantu kerajaan negeri menangani isu kesihatan terutama HIV/AIDS bagi mengelak timbulnya pengubalan dasar yang kontroversi.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata mereka perlu mempunyai saluran komunikasi dengan kerajaan-kerajaan negeri mengenai isu kesihatan.

Sebagai pakar dalam bidang kesihatan, pengarah-pengarah kesihatan negeri perlu memainkan peranan lebih berkesan bagi memastikan isu-isu kontroversi dapat diselesaikan di peringkat akar umbi, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau sebelum itu mengambil bahagian dalam forum mengenai HIV/AIDS bertajuk "Situasi HIV/AIDS di Malaysia: Adakah kita sudah mengambil langkah sepenuhnya" anjuran Majlis Aids Malaysia (MAM) sempena sambutan Hari Aids Sedunia 2001.

Chua berkata kementerian juga sedang mendapatkan maklum balas mengenai peraturan kesihatan agak "kontroversi" yang telah diambil oleh kerajaan negeri Johor dan Selangor.

Kerajaan Johor pada 13 Nov lepas telah melaksanakan peraturan supaya bakal pengantin beragama Islam menjalani pemeriksaan kesihatan termasuk ujian HIV manakala Selangor pula akan mengadakan kawalan ke atas penjualan kondom.

Chua berkata peraturan mengawal penjualan kondom perlu dikaji semula kerana penggunaan kondom dipersetujui sebagai cara terbaik mengurangkan penyakit kelamin termasuk HIV/AIDS oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), pertubuhan kesihatan antarabangsa dan juga negara-negara Islam.

Pengawalan penjualan kondom itu juga tidak sesuai memandangkan negara ini mempunyai pelbagai agama dan bangsa, katanya.

Beliau berkata kajian perlu dijalankan bagi memastikan sama ada penjualan kondom secara terbuka telah menggalakkan kegiatan maksiat seperti yang didakwa oleh Majlis Belia Selangor.

Sementara itu, Presiden MAM Datin Paduka Marina Mahathir menyuarakan kebimbangan bahawa peraturan mengawal penjualan kondom akan meningkatkan lagi jangkitan penyakit HIV/AIDS.

Beliau berkata kaum wanita akan lebih terdedah kepada jangkitan HIV/AIDS jika peraturan seperti itu dikuatkuasakan.

-- BERNAMA

HK AHH MOZ